

Lawatan PM ke 3 negara Afrika angkat suara Malaysia

Kuala Lumpur: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata Malaysia akan terus mengangkat kepentingan dan suara negara di pentas antarabangsa, termasuk melalui lawatan beliau ke tiga negara di benua Afrika dengan Ethiopia menjadi persinggahan pertama.

Menerusi hantaran di Facebook semalam, Anwar memaklumkan Malaysia komited mempertahankan multilateralisme, meluaskan peluang pelaburan dan ekonomi, serta memperkukuh seni diplomasi dan hubungan antarabangsa melalui lawatan berkenaan.

“Mohon doa teman-teman agar urusan saya dan delegasi Malaysia dipermudah, lantas membawa manfaat dan pulangan terbaik kepada negara,” katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau dan delegasi Malaysia berada di Addis Ababa, Ethiopia untuk mengadakan pertemuan dua hala dengan rakan sejawatnya, Dr Abiy Ahmed Ali.

Beliau berkata, lawatan itu turut merangkumi sesi pertemuan bersama peneraju industri, ahli perniagaan dan pemimpin Islam negara berkenaan.

Anwar juga memaklumkan beliau akan meneruskan lawatan kerja ke Johannesburg, Afrika Selatan, bagi mewakili Ma-

laysia ke Sidang Kemuncak Pemimpin G2G, selain mengadakan pertemuan dengan Presiden Cyril Ramaphosa.

“Saya turut akan ke Nairobi, Republik Kenya, untuk sesi pertemuan bersama Presiden, William Ruto bagi merapatkan hubungan kedua-dua negara, meneroka peluang dan kerjasama baharu, selain dijadualkan bertemu pemimpin Islam di sana,” katanya.

Anwar berlepas petang semalam bagi lawatan pertama ke Ethiopia dan bertepatan dengan ulang tahun ke-60 hubungan diplomatik di antara Malaysia dan Ethiopia yang terjalin sejak Januari 1965.

Anwar yang juga Menteri Kewangan diiringi Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Zaliha Mustafa.

Ethiopia disenaraikan sebagai rakan dagang ke-26 terbesar Malaysia di benua Afrika pada 2023.

Perdagangan dua hala di antara Malaysia dan Ethiopia bernilai RM446.8 juta, dengan eksport dari Malaysia ke Ethiopia bernilai RM358.6 juta, peningkatan 24.6 peratus berbanding tahun sebelumnya. BERNAMA



Anwar bersalaman dengan delegasi dan wakil media yang akan membuat liputan bagi siri lawatan rasmi dan kerja ke Ethiopia, Afrika Selatan dan Kenya. (Foto Pejabat Perdana Menteri.)